

13/02/1998

`Madinabank' di antara Citibank, Hong Kong Bank

Abdurrahman Haqqi

BUAH `ibadat' dan kegemaran dunia Islam ketika berbuka puasa Ramadan ialah buah kurma. Daripada banyak macam kurma, yang terkenal ialah kurma Madinah kerana ia agak besar, gurih dan elok dipandang. Makan sebiji pun cukup membuat `perut' segar. Tetapi harganya mahal.

Di samping al-Quran `Mushaf Othman' sempena mengenang usaha dan jasa Khalifah Kedua, Othman Ibn Affan yang menyatukan penulisan al-Quran menjadi satu versi, pada hari ini dunia Islam juga memiliki al-Quran `Mushaf Madinah' yang dicetak sejuta naskhah setiap tahun dan dibahagikan percuma oleh kerajaan Arab Saudi kepada umat Islam seluruh dunia.

Tetapi, pernahkah anda mendengar `Madinabank' di samping Citibank dan Hong Kong Bank? Dua bank yang disebut terakhir ini tentu tidak asing lagi kerana yang pertama adalah bank yang `Never Sleeps' manakala bank yang kedua `Selalu Menjalin Hubungan Mesra' seperti iklan mereka. Bagaimana dengan Madinabank?

Sebenarnya `Madinabank' belum wujud lagi. Oleh itu, motonya juga tidak akan anda jumpa. Tetapi, kerana sekarang sedang menjadi trend beberapa negara Asia khususnya yang dilanda `keajaiban' krisis ekonomi ada baiknya dunia Islam bercita-cita memiliki sebuah bank Islam gergasi seperti Citibank dan Hong Kong Bank.

Salah satu tujuan idea penubuhan `Madinabank' ialah mengumpul dan melabur dana umat Islam agar ia juga boleh menolong negara Islam yang ditimpa `kemalangan' ekonomi dan negara berkenaan tidak perlu memintaminta daripada badan kewangan asing yang menganiaya dan jadi trumpets kolonialisme moden.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengalu-alukan langkah beberapa bank swasta tempatan yang berhasrat menggabungkan diri demi memperkukuh institusi kewangan terbabit yang juga membantu ekonomi negara lebih selesa.

Berkenaan `Madinabank' sebagai bank swasta Islam untuk menyaingi gergasi Citibank dan Hong Kong Bank, sebenarnya umat Islam boleh memilikinya kerana beberapa fakta, antaranya; dalam keluaran Disember 1997 lalu, majalah bulanan ekonomi Islam berprestij al-Iqtisad al-Islami yang diterbitkan di Dubai, Emiriah Arab bersatu menyiarkan berita mengenai keuntungan bersih pada 1996 bank dan institusi kewangan anggota Persatuan Antarabangsa Bank-Bank Islam yang ditubuhkan pada 1977 menerusi keputusan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dengan keahlian yang berjumlah 192 bank dan institusi kewangan dan tersebar di 38 negara, bank dan institusi kewangan Islam mengaut keuntungan bersih berjumlah AS\$1.5 bilion pada tahun itu. Ia memiliki aset sebenar AS\$137 bilion manakala depositnya berjumlah AS\$100 bilion.

Dengan cawangan yang berjumlah 22,711 buah, bank dan institusi kewangan Islam itu mempunyai 30,000 pekerja.

Bagaimana besarnya bank dan institusi kewangan Islam itu jika digabungkan menjadi bank global `Madinabank'. Cuba bandingkan, sebagai contoh, dengan Citibank yang dikatakan satu-satunya bank global hampir 100 negara di dunia merangkumi lebih daripada 260 cawangan dan pejabat di 28 negara, seperti diberitakan akhbar Selasa lalu sempena perkenalan laman web Citibank Malaysia.

Betapa besarnya potensi bank swasta milik umat Islam itu jika benar-benar semangat kebersamaan dan gotong-royong Islami di antara mereka

direalisasikan dan tidak hanya dalam ucapan retorik dan cadangan kertas kerja. Ia perlu direalisasikan demi mengangkat imej ekonomi Islam dan juga umat secara amnya di mana ia pada masa kini masih terumbang-ambing dalam menghadapi era globalisasi.

Penjelasan menyeluruh dan benar juga diperlukan untuk memberikan gambaran sebenar kedudukan kewangan umat Islam agar pelabur sama ada yang Islam ataupun bukan Islam tidak ragu-ragu untuk menanamkan modal dan melabur dalam `Madinabank`.

Penjelasan menyeluruh, benar dan lebih agresif perlu agar tidak terjadi seperti yang dikatakan Anwar, Isnin lalu di Tokyo mengenai pelaburan Jepun di Malaysia: "Saya tertarik kerana banyak maklumat yang cuba kita sampaikan, tidak mereka perolehi, jadi Malaysia perlu lebih agresif memberi penjelasan di dalam dan luar negara."

Di sini, diplomasi ulung Malaysia menerusi Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, diperlukan untuk bergerak di kalangan anggota OIC. Dengan diplomasi, idea Malaysia menubuhkan `Madinabank` pasti mendapat sambutan.

Orang tua-tua ada memberikan misal kuatnya perpaduan. Mereka memisalkannya dengan sebatang lidi yang jika dikumpul menjadi penyapu. Ketika sebatang ia mudah dipatah dan tidak guna sama sekali untuk menyapu tetapi apabila menjadi penyapu, sulit bagi siapa pun mematahkannya.

Oleh itu, jika bank Islam bergabung dalam `Madinabank` di samping kita tidak akan risau permainan kotor spekulator dan manipulator antarabangsa kita juga akan - saya meminjam kalimat sebuah iklan produk tempatan - `Gunakan Tanpa Was-Was`!

(END)